

Tanggung motosikal ibarat 'kulit balut besi'

TAHAP kemandirian rakyat Malaysia memang tinggi. Letak di bawah sebarang situasi yang menekan, mereka akan mampu bangkit sekali gus mengatasi masalah tersebut.

Masyarakat negara ini didapati berkemampuan tinggi dalam menyesuaikan diri mengikut keadaan, malah ada kalanya mampu berubah secara mendadak dalam mengatur kehidupan.

Pandemik Covid-19 memberikan kesan negatif kepada sektor pekerjaan kepada global dan secara khususnya di Malaysia apabila kadar pengangguran turut meningkat.

Majikan mula pening kepala apabila keuntungan syarikat mula merosot. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengakibatkan sesetengah pekerja hilang pendapatan.

Belum dikira ketua keluarga atau ibu bapa yang menjadi tempat bergantung meninggal dunia akibat Covid-19 sehingga mengakibatkan anak-anak menjadi yatim piatu sekelip mata.

Situasi di Malaysia, negara kini sedang dalam fasa peralihan ke endemik dengan semua sektor sudah dibuka sepenuhnya dan kembali merencanakan sektor ekonomi.

Ini memberi kelegaan besar kepada orang ramai apabila kehidupan mereka sudah kembali normal.

Jadi tidak hairanlah laporan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2021 dikeluarkan **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** meletakkan tahap bahagia Keluarga Malaysia pada skor 6.48 iaitu bahagia berdasarkan 13 komponen yang dinilai.

Sebagai contoh dalam menjimatkan kos ke tempat kerja, golongan pekerja lebih selesa menunggang motosikal ke tempat kerja. Kalau trafiknya sesak, boleh 'cilok' celah-celah kenderaan lain.

Sudah tidak perlu fikirkan kos tambahan lain seperti bayaran parkir, tol serta kos bahan api yang lebih menjimatkan.

Cuma 'musuh' bagi seorang penunggang motosikal ini adalah hujan lebat. Keadaan cuaca ketika ini pula tidak menentu. Pemandangan biasa apabila kita melihat penunggang motosikal 'bersidai' di bawah jejantas pada waktu pergi dan balik kerja akibat kehujanan.

Menurut laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) negara masih lagi berada di dalam Monsun Barat Daya dan dijangka berterusan sehingga pertengahan September 2022.

Oleh itu, kebanyakan tempat di seluruh negara cenderung untuk menerima bilangan hari tanpa hujan lebih tinggi berbanding bilangan hari hujan.

Namun, hujan lebat berserta angin kencang dan petir disebabkan oleh fenomena garis badai masih boleh berlaku di pantai barat Semenanjung dan barat Sabah pada awal pagi.

Buat penunggang dan pembonceng berhati-hati di jalan raya lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca tidak menentu ini. Baik mencegah daripada merawat.

Sepanjang tahun ini, penunggang dan pembonceng motosikal didapati menjadi penyumbang terbesar dalam kejadian nahas dan kemalangan maut. Menunggang motosikal ini diibaratkan 'kulit balut besi' berbanding naik kereta yang mana 'besi balut kulit'.

<https://www.kosmo.com.my/2022/08/03/tunggang-motosikal-ibarat-kulit-balut-besi/>